

19 MAR 1997

AGONG UTUS UCAP TAHNIAH KEPADA PRESIDEN TUNISIA

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menyampaikan ucapan tahniah kepada Presiden Zine El-Abidine Ben Ali sempena Hari Kebangsaan Tunisia esok.

Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah berharap hubungan mesra di antara kedua-dua negara dapat ditingkatkan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusannya kepada rakan sejawatan Dr Hamed Karoui menyatakan kesediaan Malaysia untuk meningkatkan kerjasama dan hubungan dengan Tunisia.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi turut mengirim ucapan serupa kepada rakan sejawatannya di Tunisia, Abderahim Zouari.

--BERNAMA

ARA HJ